

SOALAN NO: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU

TARIKH: 8 NOVEMBER 2017

SOALAN:

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja tempatan yang telah hilang pekerjaan mengikut sektor/industri pada tahun 2016 dan sepanjang tahun ini. Nyatakan kadar pengangguran di kalangan siswazah berbanding dengan kadar pengangguran negara secara keseluruhannya.

PR-1353-L03605

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Majikan diwajibkan mengemukakan notifikasi kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sebagaimana kewajipan majikan mengemukakan laporan secara bertulis menurut Seksyen 63, Akta Kerja 1955 (Akta 265) sekiranya menjalankan tindakan pemberhentian. Bagi tahun 2016, seramai 37,699 pekerja diberhentikan yang melibatkan seramai 32,552 (86.3%) pekerja tempatan berbanding seramai 5,147 (13.7%) pekerja asing. Manakala seramai 26,638 pekerja diberhentikan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2017, yang melibatkan seramai 24,026 (90%) pekerja tempatan berbanding seramai 2,612 (10%) pekerja asing. Tindakan pemberhentian yang telah dilaksanakan sama ada secara pemberhentian secara biasa (*retrenchment*) atau pemberhentian pekerja secara sukarela (VSS).

2. Bagi tahun 2016, sektor pembuatan merekodkan pemberhentian pekerja tertinggi iaitu seramai 17,287 (45.8%) pekerja, sektor perdagangan borong dan runcit seramai 7,817 (20.7%) pekerja, sektor kewangan dan insurans / takaful 4,555 (12%) pekerja dan sektor perlombongan dan kuari seramai 2,470 (6.5%) pekerja. Manakala, sehingga bulan Ogos 2017, pemberhentian tertinggi juga direkodkan di sektor pembuatan iaitu seramai 20,200 (75.8%), sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman seramai 1,015 (3.8%) pekerja, sektor kewangan dan insurans / takaful seramai 5792 (3%) pekerja, sektor Maklumat dan komunikasi seramai 755 (2.8%) pekerja dan sektor perlombongan

dan pengkuarian seramai 673 (2.5%) pekerja yang terlibat.

3. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran semasa negara bagi suku tahun pertama merekodkan kadar 3.5 peratus atau 514,200 orang. Kadar pengangguran bagi tahun 2000 hingga 2017 kekal di bawah 4 peratus iaitu dalam lingkungan 2.9 peratus hingga 3.7 peratus. Statistik ini menunjukkan negara berada pada tahap guna tenaga penuh atau "*full employment*".

4. Berdasarkan kepada rekod Portal *JobsMalaysia*, JTK sehingga September 2017, Pencari Kerja Aktif berdaftar seramai 270,330 orang. Daripada jumlah ini, seramai 187,551 orang adalah daripada golongan siswazah dan 82,779 orang bukan siswazah. Seramai 155,028 orang pencari kerja yang terdiri daripada 48,360 orang siswazah dan 106,668 orang bukan siswazah berjaya di tempatkan di pelbagai sektor pekerjaan.